

23 JUN 2002

Abdullah-BN

KEPUTUSAN DR MAHATHIR AKAN DIJELASKAN PADA KOMPONEN BN

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional akan diadakan secepat mungkin bagi menjelaskan hal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan dalam parti dan BN serta menariknya balik kemudian.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri bersetuju supaya beliau (Abdullah) mengadakan mesyuarat itu bagi memberikan penjelasan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan berkenaan hal itu.

"Saya akan memberitahu setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat untuk memanggil mesyuarat itu secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perkhidmatan ERL transit di stesen ERL Bandar Tasik Selatan di sini.

Timbalan Presiden Umno itu berkata demikian selepas ditanya mengenai perjumpaannya dengan Dr Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya, pagi ini, sebelum Dr Mahathir berlepas bercuti ke luar negari.

Dr Mahathir mengumumkan meletakkan jawatan Presiden Umno dan Pengerusi BN serta semua jawatan dalam parti semasa menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam, dan Abdullah mengumumkan kira-kira sejam kemudian bahawa Dr Mahathir menarik balik keputusan itu selepas dirayu anggota Majlis Tertinggi parti.

Abdullah berkata beliau serta anggota Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno sebenarnya berjumpa dengan Dr Mahathir bagi menyampaikan keputusan mesyuarat tergepar MT Umno malam tadi.

Mesyuarat tergepar itu memutuskan menolak keputusan Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan dalam Umno dan BN.

Selain itu, mesyuarat berkenaan turut memutuskan supaya penjelasan mengenai perkara itu diberikan kepada para anggota Umno di seluruh negara.

Ditanya sama ada Dr Mahathir ada memberikan sebarang amanat kepada beliau sebelum berlepas ke luar negara, Abdullah berkata tidak ada apa-apa.

Abdullah juga berkata Perdana Menteri memerlukan cuti untuk berehat dan cuti yang diambilnya itu telah dirancang lebih awal serta dipersetujui jemaah menteri.

-- BERNAMA

AT JM RON